

Lelaki dicekup ketika sembunyikan dadah

Posted on September 9, 2014, Tuesday

Oleh Mastura Ismail //

Senapang patah turut dirampas daripada suspek yang disimpan dalam kenderaannya



RAMPAS: Senapang patah yang dirampas daripada suspek.

LIMBANG: Helah seorang lelaki cuba menyembunyikan dadah jenis syabu di dalam kotak rokoknya di sebuah rumah tidak menjadi apabila dia dicekup sepasukan polis ketika melakukan pemeriksaan di Kampung Batu Bakarang, di sini malam kelmarin.

Dalam kejadian jam 7.30 malam itu, suspek yang berusia 41 tahun dari Kampung Merambut ditahan polis ketika menyembunyikan tiga tiub straw lut sinar warna biru dipercayai mengandungi ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu di belakang timah rokok.

Ketua Polis Daerah Limbang Superintenden Mohd Bukhori Saffai berkata hasil pemeriksaan anggotanya diketuai Inspektor Mohd Hasri Othman, pihaknya berjaya merampas satu kotak rokok mengandungi tiga keratan tiub straw lut sinar berwarna biru berisi ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu seberat 0.20 gram.

Katanya ujian awal saringan air kencing menunjukkan suspek juga positif dadah jenis Methamphetamine.

Selain itu, hasil pemeriksaan juga mendapati suspek ada menyimpan selaras senapang patah milik abangnya di dalam kenderaannya.

“Kami berjaya merampas selaras senapang patah berwarna coklat, satu kelongsong peluru berwarna hijau dan dua kelongsong peluruh berwarna merah.

“Hasil siasatan, kami mendapati abang suspek kerap meminjamkan senapang patah berkenaan untuk tujuan berburu,” katanya di sini semalam.

Menurutnya, suspek ditahan untuk tindakan lanjut dan disiasat di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1951 dan Seksyen (a) Akta Senjata Api 1960.

Beliau turut menasihati pemilik senapang patah berlesen agar tidak sewenang-wenangnya meminjamkan senapang patah mereka kepada orang lain.

Mohd Bukhori berkata dalam operasi berasingan di kawasan sama, dua lelaki ditahan selepas menyembunyikan enam keratan tiub straw berwarna biru dan satu straw berwarna merah yang mengandungi ketulan kristal disyaki dadah jenis syabu.

Katanya suspek yang berusia 43 tahun dan 30 tahun, masing-masing tidak bekerja ditahan dalam operasi sekitar jam 7.20 malam dan ujian awal saringan air kencing menunjukkan masing-masing positif dadah jenis Methamphetamine.

“Antara yang dirampas ialah satu kotak plastik lut sinar berwarna putih, enam keratan tiub straw berwarna biru dan satu keratan tiub straw berwarna merah mengandungi ketulan kristal disyaki syabu dengan berat kasar 0.80 gram.

“Kedua-dua suspek ditahan dan akan disiasat di bawah Seksyen 12 (2) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1951,” katanya.